



**YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA
TERENGGANU**
Jalan Sultan Omar, 20300 Kuala Terengganu

☎ 09-624 9355/57/58 ✉ pem.keluargaypkt@gmail.com

ALAMAT PEJABAT YPKT KAWASAN

Pejabat YPKT Kawasan Kuala Terengganu ☎ 09-616 4917
Bangunan Kompleks Ibu Tunggal Negeri Terengganu,
Jalan Kubang Ikan, Chendering,
21080 Kuala Terengganu.

Pejabat YPKT Kawasan Kemaman ☎ 09-850 5072
Lot 144, Kampung Gong Limau,
24000 Kemaman, Terengganu.

Pejabat YPKT Kawasan Dungun ☎ 09-848 5654
Lot 9999, Tingkat 1, Bangunan Business Centre,
Sura Gate, 23000 Dungun, Terengganu.

Pejabat YPKT Kawasan Hulu Terengganu ☎ 09-686 1012
PT 839, Lot 50032, Aras 1, Pusat Perdagangan
Kuala Berang, 21700 Kuala Berang, Terengganu.

Pejabat YPKT Kawasan Marang ☎ 09-618 9135
PT 160, Bangunan Permint, Bandar Marang,
21600 Marang, Terengganu.

Pejabat YPKT Kawasan Kuala Nerus ☎ 09-667 2667
PT 37834, Perkedaian Rimba Square,
Jalan Tengku Mohammad,
21200 Kuala Nerus, Terengganu.

Pejabat YPKT Kawasan Setiu ☎ 09-609 7808
Lot 2605, No. 5, Aras 1, Perkedaian MDS-UDA,
Bandar Permaisuri, 22100 Setiu, Terengganu.

Pejabat YPKT Kawasan Besut ☎ 09-697 6301
Lot 3558-1, Tingkat 1, jalan Kampung Gong Badang,
Kampung Alor Lintah, 22000 Jerleh, Terengganu.

Inisiatif dan Penyelarasan:

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita, Keluarga
dan Perpaduan Nasional Negeri



www.ypkt.gov.my



YPKTrg



**Portal
JODOH**
Darul Iman
www.jodohdaruliman.com

"Temui Jodoh Impian Anda"



*"Platform Pencarian Jodoh Patuh Syariah
Untuk Rakyat Terengganu"*

Apa Itu Portal Jodoh Darul Iman

Sebuah platform rasmi pencarian jodoh atas talian, dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT), bagi membantu belia Muslim mencari pasangan hidup dengan cara yang halal, selamat dan terhormat.

Kenapa Portal Jodoh Darul Iman?

- ♥ Menyediakan platform pencarian jodoh yang mudah, selamat dan patuh syariah secara atas talian.
- ♥ Membantu rakyat Terengganu membina institusi Keluarga yang diimpikan secara terpadu.
- ♥ Mengurangkan masalah kelewatan berkahwin dan bujang berterusan
- ♥ Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan perkahwinan dalam Islam dan sunnah Nabi SAW.
- ♥ Menyokong dasar kerajaan negeri dalam memperkukuh institusi kekeluargaan dan sosial yang sejahtera,

Siapa yang layak Mendaftar

- ♥ Lelaki dan wanita Muslim
- ♥ Warganegara Malaysia
- ♥ Anak Negeri Terengganu (Lahir / Menetap / berkeluarga di Terengganu)
- ♥ Berumur 18 tahun ke atas
- ♥ Bujang / Ibu atau bapa tunggal
- ♥ Mempunyai niat yang serius untuk berumahtangga

Ciri-Ciri Utama Portal

- ♥ Taaruf secara syarie
- ♥ Data dijamin selamat dan sulit
- ♥ Tiada perbualan bebas antara peserta
- ♥ Boleh mohon sesi pertemuan rasmi bersama keluarga
- ♥ Sesi saringan psikologi & peribadi (jika perlu)

PROSES PENJODOHAN

**01****PENDAFTARAN**

Daftar untuk mulakan pencarian pasangan halal

**02****ISI PROFIL**

Lengkapkan Maklumat Peribadi dan Kriteria Pasangan

**03****KELULUSAN ADMIN**

Proses Semakan dan Kelulusan

**04****CARI CALON**

Mencari Calon Yang Diminati dan Bersesuaian

**05****MINAT CALON**

Tanda Minat Kepada Calon Yang Menambat Hati

**06****Tunggu Jawapan**

Tunggu Respon Daripada Calon Yang Diminati

**07****TEMUJANJI**

Admin akan bantu aturkan pertemuan secara rasmi

**08****HADIR TEMUJANJI**

Hadir Temujanji Untuk Sesi Bertaaruf

**09****PROFIL DIKUNCI**

Jika Penjodohan Berjaya Atau Sebab-Sebab Lain

PETIKAN AYAT AL-QURAN

"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir."

Surah Ar-Rum : 21